

## KEDUDUKAN LAFAZ CERAI TA'LIQ LISAN MENURUT PERSPEKTIF FIQH DAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA

### *The Position Of Oral Ta'liq Divorce From The Perspectives Of Fiqh And Islamic Family Law In Malaysia*

Liana binti Ab Latif<sup>i</sup> & Rafeah binti Saidon<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pelajar Pasca Siswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Selangor.

Emel: [lianaablatif9@gmail.com.my](mailto:lianaablatif9@gmail.com.my)

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan (PhD), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Selangor.

Emel: [rafeahs@uitm.edu.my](mailto:rafeahs@uitm.edu.my)

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p>Perceraian merupakan suatu fenomena yang berlaku dalam pelbagai medium apabila tiada persefahaman dan tolak ansur antara suami dan isteri termasuk juga cerai ta'liq lisan. Secara dasarnya, konteks cerai ta'liq di Malaysia terbahagi kepada dua iaitu ta'liq rasmi dan ta'liq tidak rasmi (lisan). Cerai ta'liq lisan adalah lafaz cerai selain daripada isi kandungan surat ta'liq. Permasalahan kajian ini menunjukkan cerai ta'liq lisan ini menyumbang kepada peningkatan jumlah kes-kes tertangguh yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Malaysia dan ini memberi implikasi kepada pihak-pihak terlibat terutamanya isteri. Justeru kajian terperinci berkaitan konsep dan kedudukan perceraian ini perlu dilakukan agar perceraian ini diambil berat oleh semua pihak. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisa kedudukan lafaz cerai ta'liq lisan menurut perspektif fiqh dan undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Metodologi yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah reka bentuk kualitatif. Pengkaji turut menjadikan sumber perpustakaan sebagai rujukan kajian seperti buku-buku</p>	<p>Divorce is a phenomenon that occurs when there is an absence of mutual understanding and tolerance between a husband and a wife. It can occur in multiple mediums, and this includes oral ta'liq. Fundamentally, the context of ta'liq in Malaysia is divided into two, namely formal ta'liq and informal ta'liq (oral). An oral ta'liq is the pronouncement of divorce apart from the contents written in the ta'liq letter. The problem of this study shows that oral ta'liq divorces contributes to the increase in pending cases to be trialed in the Syariah Court of Malaysia, resulting in implications towards the parties involved, especially with regards to the wife. Thus, there is a need for a disquisition regarding the concept and position of oral ta'liq divorces so that a call of action can be taken. The objective of this study is to analyze the position of the pronouncement of ta'liq divorce from the perspectives of fiqh and Islamic family law in Malaysia. The methodology applied in this study is qualitative design. The research also involves the use of library resources such as fiqh books, law manuals, enactments, statutes,</p>

<p><i>fiqh, buku manual undang-undang, enakmen, statut, tesis, disertasi, artikel, kertas kerja, jurnal hukum, fail kes dan juga statistik kes daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Dapatan kajian mendapati lafaz cerai ta'liq lisan adalah suatu lafaz cerai bersyarat berlandaskan syarak dari sudut fiqh manakala dari sudut enakmen ia dianggap sebagai ta'liq tidak rasmi di bawah lafaz cerai luar mahkamah. Persamaan kedua-duanya adalah isteri jatuh cerai ta'liq apabila lafaz ta'liq tersebut mencapai ta'liq yang sempurna iaitu ia benar-benar berlaku menurut syarak. Rumusan kajian ini adalah suami perlu lebih berwaspada dan teliti terhadap lafaz ta'liq lisan kerana ia adalah suatu perjanjian yang membawa kepada perceraian. Apabila ia difailkan maka perlu melalui proses perundangan yang ditetapkan bagi menyelesaikan kes tersebut.</i></p>	<p><i>theses, dissertations, articles, working papers, legal journals, case files and case statistics from the Department of Syariah Judiciary Malaysia. The findings of this study shows that from the viewpoint of fiqh, the pronouncement of ta'liq divorce is conditional on the grounds of Islamic law while from the viewpoint of enactment, it is considered as informal ta'liq under out-of-court divorce. The similarity between the two is that the wife falls under the ta'liq when the utterance and occurrence of the ta'liq can be verified according to Islamic law. The conclusion of this study is husbands need to be more cautious and attentive towards the utterance of oral ta'liq as it is considered to be an agreement that leads to divorce. Once it is filed, it is then necessary to go through the prescribed legal process for the case to be resolved.</i></p>
<p><b>Kata kunci:</b> Lafaz Cerai, Ta'liq lisan, Fiqh, Undang-Undang Keluarga Islam</p>	<p><b>Keyword:</b> Divorce pronouncement, oral ta'liq, fiqh, islamic family law</p>

## PENDAHULUAN

Setiap perkahwinan yang dibina atas dasar ikatan suci adalah bertujuan membina keluarga sejahtera dan dilimpahi kasih sayang. Suami dan isteri memainkan peranan masing-masing dalam menggalas dan menunaikan tanggungjawab dengan sebaiknya. Namun tika saat berlakunya ketidakstabilan emosi dapat mewujudkan suasana konflik atas sebab perselisihan faham sama ada pada kata-kata atau perbuatan. Suami bertindak di luar kawalan dan mengeluarkan kata-kata yang kesat atas perbuatan isterinya yang tidak disenangi. Isu ini mempunyai perkaitan rapat dengan lafaz cerai ta'liq lisan di luar kandungan yang tertera dalam surat ta'liq. Sebagai contoh suami melafazkan “jika awak pergi ke rumah perempuan tersebut dan menyerangnya, jatuh talak” atau “kalau awak lepaskan burung di dalam sangkar ini, jatuh talak” (Noormala et. al, 2017).

Amalan lafaz cerai ta'liq menjadi isu yang sinonim dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Kes ini merupakan antara kes yang paling kerap berlaku (Ammar & Che Maryam, 2014) berikutan ia adalah kes kedua tertinggi dalam jumlah kes-kes tertanggung yang dibicarakan di mahkamah (Raihanah Abdullah, 2009). Realiti jumlah kes ta'liq tidak rasmi dapat dilihat juga melalui statistik kes tuntutan pengesahan lafaz cerai (Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 2019) menunjukkan jumlah yang besar pada daftar dan

tanggung iaitu negeri Selangor, Johor dan juga Sabah. Penangguhan dan kelewatan kes pengesahan lafaz cerai ta'liq tidak rasmi juga membawa kesan kepada isteri yang terbeban terhadap pembuktian kes tersebut. Ini kerana lafaz cerai ta'liq tidak rasmi diucapkan pada lisan sahaja yang memerlukan kepada pengesahan pengakuan daripada pihak suami.

**Jadual 1.1** Statistik Jumlah Tuntutan Kes Pengesahan Lafaz Cerai di Malaysia (Januari – 6 Oktober Tahun 2019)

NEGERI	DAFTAR	SELESAI	TERTUNGGAK
Johor	2016	1690	326
Kedah	1657	183	274
Kelantan	745	568	177
Melaka	551	415	136
Negeri Sembilan	813	696	117
Pahang	1124	963	161
Perak	1164	1065	99
Perlis	254	223	31
Pulau Pinang	669	532	17
Sabah	1017	715	302
Sarawak	808	662	146
Selangor	3509	2885	624
Terengganu	1174	1024	150
Wilayah Persekutuan	1014	903	111
JUMLAH	16515	13724	2791

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Secara umumnya, lafaz cerai ta'liq lisan menjadi suatu topik yang telah dikupas oleh jumah fuqaha. Ia dikategorikan sebagai lafaz cerai secara sindiran menggunakan apa sahaja sifat. Ia juga mengandungi kata syarat. Ia membawa erti suami bersumpah menggunakan kekuasaan Allah (Abdullah al-Muwasiliy, 2009; Musa al-Hajawi, T.T.; Ibn Muflih al-Hanbaliy, 1997; Muhammad al-Majajiy, 2010; Syams Al-Din al-Syarbiniy, 2004; 'Ala al-Din al-Samarqandi, 1984). Di Malaysia, lafaz ini merupakan jenis kedua lafaz ta'liq. Ta'liq lisan merupakan pengucapan lafaz ta'liq yang diucapkan oleh suami selain daripada kandungan surat ta'liq terhadap perkara tertentu (Aznan 2014, 2; Zin 2007, 121; Lembut 2006, 148). Berdasarkan kajian Aznan (2014, 5) di Perak, ta'liq tidak rasmi boleh dikenali juga sebagai ta'liq tambahan. Oleh itu kajian ini bertujuan mengkaji kedudukan lafaz cerai ta'liq lisan menurut perspektif fiqh dan juga perundangan.

Al-qur'an sebagai sumber perundangan pertama yang mengandungi perkara asas dalam kehidupan manusia termasuklah lafaz cerai ta'liq lisan. Lafaz cerai ta'liq lisan diibaratkan sebagai ikatan janji suami terhadap isterinya. Ia dapat dilihat sebagaimana firman Allah SWT:

وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُولًا

Terjemahan: Dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia), sesungguhnya perjanjian itu akan ditanya.

(Surah al-Isra' : 34)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. (Surah al-Maidah : 1)

Mafhum ayat tersebut menunjukkan bahawa seseorang perlu menepati janji dari segi kata-kata dan perbuatannya. Setiap ikatan akan dipersoalkan oleh Allah pada akhirat kelak. Janji yang dimaksudkan oleh Allah ialah janji dengan manusia iaitu janji dan akad akan dipersoalkan terhadap empunya diri (Syams al-Din al-Qurtubiy,1964; Ibn Kathir, 1999).

Cerai ta'liq juga bersandarkan kepada hadis antaranya sabda baginda SAW ialah:

حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ دَاوُدَ الْمَهْرِيُّ، أَخْبَرَنَا ابْنُ وَهْبٍ، أَخْبَرَنِي سُلَيْمَانُ بْنُ بِلَالٍ،  
ح وَحَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَبْدِ الْوَاحِدِ الدَّمَشْقِيُّ، حَدَّثَنَا مَرْوَانُ، - يَعْنِي ابْنَ مُحَمَّدٍ  
- حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ بِلَالٍ، أَوْ عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ مُحَمَّدٍ - شَكَ الشَّيْخُ - عَنْ  
كَثِيرِ بْنِ زَيْدٍ، عَنِ الْوَلِيدِ بْنِ رَبَاحٍ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ وَرَأَى سُلَيْمَانَ بْنَ دَاوُدَ  
وَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " الْمُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطِهِمْ " .

Terjemahan: Telah diriwayatkan kepada kami oleh Sulaiman bin Daud al-Mahriy, telah diriwayatkan oleh Ibn Wahab, telah diriwayatkan Sulaiman bin Bilal, telah diriwayatkan Ahmad bin Abdul Wahid al-Damsyiqiy, telah diriwayatkan Marwan, iaitu Ibn Muhammad – telah diriwayatkan oleh Sulaiman bin Bilal atau Abdul Aziz bin Muhammad – telah mngesyaki sheikh – daripada Kathir bin Zaid, daripada al-Walid bin Rabah, daripada Abu Hurairah, telah berkata bahawa Sulaiman bin Daud menambah Rasulullah SAW telah bersabda: Orang-orang Islam telah terikat dengan syarat-nya. (No hadith: 3594, Sunan Abu Daud bertaraf Hasan Sahih juga diriwayatkan oleh Tirmidhi no hadith: 1352)

Mafhum hadith ini menunjukkan orang Islam terikat dengan janji yang wajib ditepati bahkan tidak boleh menarik balik kata-kata tersebut. Ia sangat berkaitrapat dengan lafaz cerai ta'liq kerana merangkumi syarat dalam sesuatu lafaz. Apabila lafaz tersebut telah diucapkan oleh suami maka suami tidak boleh menangguhkan lafaz ta'liq tersebut kepada waktu

yang lain. Ta'liq tersebut tetap dikira apabila berlakunya syarat-syarat ta'liq.

Hadith ini juga menunjukkan rahmat Allah terhadap kemuliaan darjat seorang muslim atau mukmin apabila dia menepati janji. Islam sangat menggalakkan umatnya menepati janji demi kemaslahatan individu dan juga urusan sesama manusia. Ini kerana mungkir janji adalah salah satu sifat munafiq yang boleh membawa kepada pergaduhan dan pertelingkahan (Syarf Abaadiy, Muhammad Asyraf Al-Siddiqiy, 2005; Abdul Rahman al-Mubarakfuri, T.T.). Oleh itu kajian ini bertujuan mengkaji kedudukan lafaz cerai ta'liq lisan menurut perspektif fiqh dan juga perundangan kekeluargaan Islam di Malaysia. Untuk tujuan ini beberapa peruntukan berkaitan yang terdapat di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 dirujuk untuk memberi gambaran jelas mengenai kedudukan cerai ta'liq lisan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini adalah kajian kualitatif. Kajian ini bertujuan mengkaji kedudukan lafaz cerai ta'liq lisan menurut perspektif fiqh dan undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Proses pengumpulan data melibatkan sumber-sumber yang sedia ada seperti kamus bahasa, kamus undang-undang, buku-buku fiqh, tesis, disertasi, artikel, jurnal, kertas kerja, statut iaitu akta dan enakmen serta manual undang-undang sebagai dokumen penting dalam mendapatkan data berkaitan lafaz cerai ta'liq tidak rasmi. Semua data ini dianalisis secara konseptual untuk menjelaskan kedudukan cerai ta'liq dari sudut fiqh dan undang-undang keluarga Islam. Pengkaji mengaitkan hubungan antara fiqh dan perundangan dan membawa kepada kesan dan inisiatif yang perlu diambil cakna.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Kedudukan Lafaz Cerai Ta'liq Lisan Menurut Fiqh**

Para fuqaha dulu dan kontemporari seperti Karim Zaidan (1983) bersepakat menyatakan bahawa lafaz cerai ta'liq digambarkan sebagai suatu ucapan daripada suami dengan menggunakan istilah syarat seperti (إن, إذا, إذا ما, متى ما, كل, كلما) sebagai kata penguat kepada lafaz syarat ta'liq tersebut. Menurut Yusof al-Qardhawi (2016), beliau menerangkan bahawa cerai ta'liq ialah cerai yang menunjukkan suruhan melakukan sesuatu atau tegahan melakukan sesuatu. Menurut Karim Zaidan (1983) ia juga dinamakan sebagai sumpah kiasan. Lafaz cerai ta'liq iaitu lafaz tersebut berkemungkinan berlaku atau tidak berlaku. Ia juga boleh berlaku atas perbuatan suami seperti jika saya masuk rumah si fulan atau bercakap dengan fulan maka jatuh talaq ke atas isteri saya. Ia menunjukkan bahawa

suami tersebut berta'liq untuk menegahkan dirinya daripada melakukannya. Kadang-kadang ia juga boleh berlaku di atas perbuatan isteri contoh jika kamu bermusafir atau masuk rumah si fulan maka kamu diceraikan. Contoh: Kamu diceraikan jika kamu mahu, atau sehinggalah kamu bermusafir atau masuk rumah. Boleh juga berlaku jika bukan daripada perbuatan salah seorang suami isteri. Bagi kategori kedua pula ialah ta'liq berbentuk bukan pilihan manusia seperti atas izin Allah berlaku, terbit matahari, kematian seseorang, tiba bulan seterusnya, kelahiran seseorang dan sebagainya.

Ibn Taymiyyah (2004) pula berpendapat seperti mazhab Hanafi dan Syafie bahawa lafaz cerai ta'liq disifatkan kepada kehendak maka tidak dikira lafaz cerai manakala mazhab Maliki dan Hanbali berpendapat bahawa lafaz cerai itu dikira. Akan tetapi lafaz cerai itu juga perlu dilihat kepada niat dan maksud, jika lafaz itu tidak berniat untuk bercerai maka lafaz itu tidak dikira lafaz cerai. Situasi ini seperti seorang warga asing yang bercakap dengan bahasa yang tidak difahami maka tidak dikira apa yang diucapkannya itu. Beliau berpendapat jika syarat ta'liq tersebut adalah sah maka lafaz cerai ta'liq diambilkira namun sekiranya syarat ta'liq terbatal maka cerai ta'liq tidak berlaku.

Mazhab Hanafi telah berpendapat bahawa syarat lafaz cerai ta'liq haruslah merangkum syarat yang munasabah berlaku (Al-Muwasiliy, T.T.; Al-Nasafiy, T.T.; 'Ala al-Din al-Samarqandi (1984). Mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali turut menyatakan lafaz ta'liq mengandungi syarat tertentu yang akan berlaku pada tempoh masa tertentu (Khalid Al-Eik,1993) diperakui oleh Mazhab Syafie dengan melabelkan syarat tersebut mestilah sah di sisi syarak (Al-Syairaziy, 1983). Huraian terperinci mazhab Hanafi turut menjelaskan suami dan isteri yang masih sah ikatan perkahwinan maka lafaz ta'liq masih sah. Jika berlaku keraguan di antara kewujudan atau ketiadaan syarat maka suami perlu membuktikan ucapan lafaz tersebut dan isteri pula mengemukakan bukti atau keterangan (Al-Muwasiliy, T.T.; Al-Nasafiy, T.T).

Pengucapan ta'liq yang sah adalah daripada suami yang sah akad perkahwinan (Ibn Muflih al-Hanbaliy, 1997) namun ditambah oleh bahawa syarat ta'liq tersebut mestilah wujud dan munasabah. Perselisihan lafaz antara suami dan isteri akan berbalik kepada suami iaitu dengan pengakuan atau isteri iaitu pembuktian. Bahkan jika suami mengatakan bahawa ta'liq tersebut ditangguhkan namun lafaz ta'liq tersebut dianggap sah dan isteri akan diceraikan berdasarkan tempoh yang dita'liqkan oleh suami (Muhammad Najib al-Muti'ie, T.T.; Abu Ishak al-Syiraziy, 1996; Yahya al-Imraniy, 2000; Baha al-Din al-Maqdisiy, 2003; Abdullah al-Maqdisiy, 1994).

Menurut Al-Majajiy (2010); Khalid al-Ke'k (1993, Karim Zaidan (1983) yang merupakan ulama Mazhab Maliki menambah bahawa talaq berta'liq mestilah suami melafazkan sumpah dengan ta'liq. Pendapat mereka menyebut bahawa masyarakat arab mengamalkan lafaz ta'liq sebagai suatu lafaz sumpah. Apabila berlaku pelanggaran maka ia dianggap sebagai melanggar sumpah dan membawa kepada perceraian.

Secara konklusinya, perceraian ta'liq berlaku apabila salah seorang melanggar syarat ta'liq tersebut. Perceraian ta'liq ini dapat ditentukan sama ada dihukum sebagai cerai raj'ie atau bain adalah bergantung kepada lafaz ta'liq tersebut. Sekiranya lafaz ta'liq tersebut berlaku sebelum bersetubuh maka ia dikira sebagai cerai bain manakala jika ia berlaku selepas bersetubuh maka ia perlu dilihat kepada lafaz ta'liq tersebut.

### **Kedudukan Lafaz Cerai Ta'liq Lisan Menurut Undang-Undang**

Di Malaysia, lafaz ta'liq yang diucapkan oleh suami selain daripada kandungan surat nikah dikenali sebagai ta'liq tidak rasmi atau ta'liq lisan. Walaubagaimanapun, bacaan lafaz ta'liq tidak diwajibkan namun tidak mendatangkan mudharat jika lafaz ta'liq tersebut mendapat persetujuan suami dan isteri (Najibah, 2007). Lafaz ta'liq ini tiada dalam mana-mana peruntukan negeri di Malaysia. Bentuk lafaz-lafaz ta'liq yang diucapkan oleh suami dikategorikan di bawah Pengesahan Lafaz Cerai atau Pendaftaran Cerai Luar Mahkamah. Lafaz ta'liq lisan kebiasaannya berbentuk kata-kata yang berupa amaran suami kepada isterinya ketika berlaku pertengkaran. Sebagai contoh apabila suaminya melafazkan "jika awak pergi ke rumah perempuan tersebut dan menyerangnya, jatuh talak" atau "kalau awak lepaskan burung di dalam sangkar ini, jatuh talak" (Noormala et. al, 2017).

Di Wilayah Persekutuan, seksyen 22 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan (1984) memperuntukkan tanggungjawab kepada Pendaftar

*(1) Sebaik selepas akad nikah suatu perkahwinan dilakukan, Pendaftar hendaklah mencatatkan butir-butir yang ditetapkan dan ta'liq yang ditetapkan atau ta'liq lain bagi perkahwinan itu di dalam Daftar Perkahwinan.*

*(2) Catatan itu hendaklah diaku saksi oleh pihak-pihak kepada perkahwinan itu, oleh wali, dan oleh dua orang saksi, selain Pendaftar, yang hadir semasa perkahwinan itu diakadnikahkan.*

*(3) Catatan itu hendaklah kemudiannya ditandatangani oleh Pendaftar itu.*

Seksyen 22 membenarkan sebarang penambahan lafaz ta'liq persetujuan daripada kedua-dua pasangan. Walaupun Seksyen 22 (1) menyatakan bahawa lafaz ta'liq selain ta'liq rasmi boleh digunapakai namun tidak boleh bercanggahan dengan lafaz ta'liq rasmi yang telah diperuntukkan

dalam perundangan (Fadzlina, 2004). Selain itu, terdapat juga peruntukan undang-undang terhadap cerai luar mahkamah di Wilayah Persekutuan iaitu seksyen 55 A. Pendaftaran Perceraian Di Luar Mahkamah. Peruntukan yang sama juga terdapat di negeri Selangor iaitu Undang-Undang Keluarga Islam 2003 seksyen 57 pendaftaran perceraian luar Mahkamah.

*(1) Walau apa pun seksyen 54, seseorang yang telah menceraikan isterinya dengan lafaz talaq di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah, hendaklah dalam masa tujuh hari dari pelafazan talaq itu melaporkan kepada Mahkamah.*

*(2) Mahkamah hendaklah mengadakan siasatan untuk memastikan sama ada talaq yang dilafaz itu adalah sah mengikut Hukum Syarak.*

*(3) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa talaq yang telah dilafazkan itu adalah sah mengikut Hukum Syarak, maka Mahkamah hendaklah, tertakluk kepada seksyen 124*

*(a) membuat perintah membenarkan perceraian dengan talaq;*

*(b) merekodkan perceraian itu; dan*

*(c) menghantar salinan rekod itu kepada Pendaftar yang sewajarnya dan kepada Ketua Pendaftar bagi pendaftaran.*

Memandangkan lafaz ta'liq lisan belum wujud peruntukan khusus berkaitan dengannya akan tetapi ia dikategorikan sebagai cerai luar mahkamah. Ini kerana ta'liq lisan merupakan ucapan suami kepada isteri di luar mahkamah. Selain daripada itu, pelaksanaan mahkamah dalam pengendalian kes-kes cerai ta'liq lisan adalah merujuk kepada Arahan Amalan No. 10 Tahun 2007 iaitu berkaitan Amalan Pengesahan Lafaz Talaq Di Luar Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah sebelum mensabitkan lafaz talak seperti berikut:

1. ...mahkamah hendaklah berpuashati bahawa talak itu telah memenuhi rukun rukun talak.
2. ...menjalankan penyiasatan melalui keterangan suami dan isteri telah memenuhi syarat-syarat talak menurut hukum syarak seperti berikut
  - a) Suami
    - i. Seorang yang baligh menurut hukum syarak;
    - ii. Seorang yang berakal; dan
    - iii. Melafazkan talak dengan kerelaanya tanpa paksaan.
  - b) Isteri-
    - (i) Seorang yang sah bagi suami tersebut atau masih dalam eddah raj'ie;
    - (ii) Jika lebih daripada seorang, hendaklah ditentukan isteri mana yang diceraikan.
3. Mahkamah hendaklah sebelum mengesahkan sesuatu lafaz talak di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah hendaklah memastikan



bahawa lafaz perceraian itu dilafazkan dengan kerelaan bukan dengan paksaan.

Bagi kes pengesahan lafaz cerai luar mahkamah, suami yang melafazkan ta'liq di luar mahkamah akan dikenakan penalti seperti yang tertera dalam Seksyen 125 Perceraian Di Luar Mahkamah Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah yang berbunyi:

*Seseorang lelaki menceraikan isterinya dengan melafazkan talaq dengan apa-apa bentuk di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah itu maka dia melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.*

Antara contoh kes yang melibatkan cerai ta'liq tidak rasmi dapat dibuktikan melalui beberapa kes yang berlaku antaranya kes Nurul Shakina binti Omar lawan Mohd Hamizan Zolkayfli (10022 – 054 – 0366 – 2016). Dalam kes ini, suami telah melafazkan ta'liq pada Ogos 2016 dengan ucapan “ Jika kau balik Perak, jatuh talaq “ kemudian pada 11 jun 2018 suami melafazkan “ saya dah tinggalkan shakina buat kali ini tak ada harapan saya dan shakina bersama lagi “ pada 26 Jun 2018 bermula sesi perbicaraan mahkamah, mahkamah memutuskan sebutan semula pada 6 Ogos 2018, mahkamah mengarahkan suami isteri bersumpah, kemudian kes ditangguhkan lagi pada tarikh 20 Ogos kerana keterangan qorinah pada lafaz taklik masih belum jelas walaupun secara sorih, kemudian suami menerangkan maksud sebenar lafaz taklik tersebut. Dalam kes Norma binti Wahab lawan Mohd Azlan bin Wahid (10003 – 054- 2202– 2016), suami telah melafazkan taklik pada Oktober 2010, pada 10 Novermber suami telah menerima saman tetapi suami menolaknya dan menandatangani affidavit. Pada 21November iatu hari bicara mahkamah, suami tidak hadir. Kes terpaksa ditangguhkan kepada 20 Disember 2016 namun suami tidak hadir. Mahkamah memerintahkan waran tangkap terhadap suami. Pada 12 Februari 2017, isteri memohon tuntutan tarik balik kes kerana suami tetap berkeras tidak mahu hadir ke mahkamah. Mahkamah meluluskan.

Amalan dan peruntukan di atas dapat difahami bahawa sebarang penambahan lafaz cerai ta'liq lisan atau tidak rasmi akan melalui prosedur perundangan tertentu bagi menyelesaikan kes yang berlaku. Walaupun ia adalah lafaz yang berlaku di luar mahkamah tanpa dokumen rasmi seperti ta'liq rasmi namun lafaz tersebut tetap perlu melalui prosedur perundangan. Ia juga bertujuan membela hak wanita yang terkesan dengan pengucapan lafaz ta'liq lisan suami. Malahan dari segi hukum hakam pula peruntukan undang-undang lafaz cerai ta'liq lisan mengikut pandangan mazhab syafie.

## KESIMPULAN

Majoriti fuqaha menyimpulkan bahawa cerai ta'liq lisan perlu merangkumi kata syarat dan diucapkan oleh suami yang sah. Menurut perundangan,

peruntukan ta'liq adalah bertujuan untuk membela hak wanita yang terabai dan teraniaya oleh suami. Isteri berhak membuat aduan tuntutan lafaz cerai ta'liq di mahkamah syariah. Kes perceraian ta'liq tidak rasmi pula merujuk kepada akta/enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di bawah kes perceraian luar mahkamah dan mempunyai penalti yang diperuntukkan di dalam seksyen 125. Proses dan prosedur perundangan juga telah tertera dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di negeri masing-masing. Selain itu, arahan amalan daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia turut memainkan peranan dalam membantu untuk melancarkan proses pentadbiran dan kehakiman mahkamah syariah di Malaysia. Justeru itu, lafaz cerai ta'liq lisan dilihat sebagai suatu isu yang harus ditangani dengan serius kerana ia bukan sekadar suatu ucapan bahkan kesan rentetan pengucapan tersebut boleh menjatuhkan talak ke atas isteri. Suami seharusnya berbincang secara damai bersama isteri berkenaan perkara tertentu sebelum timbul perselisihan faham di luar kawalan kedua-dua belah pihak.

## RUJUKAN

### Buku

- 'Ala al-Din al-Samarqandi. (1984) *Tuhfah al-Fuqaha*. Beirut: Dar al-kutub al-'Alamiyyah, juz 2, cetakan 1, Ms 196.
- Abu Husayn, Ibn Abi Khayr, Y. (2000). *al-Bayan fi Madhhab al-Imam al-Shafi'e*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Bahuti, Ibn Idris, M. (t.t). *Kashfu al-Qina'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah,
- Al-Baihaqi, Abu Bakar (2003). *Sunan Kubra Al-Baihaqi*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Ms 583.
- Al-Bukhari. ( t.t). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Tuq al-Najah, Ms 103.
- Al-Eik, K. (1993). *Ensiklopedia Fiqh Maliki*. Damsyiq: Dar al-Hikmah, juz 4, cetakan 1, Ms 255.
- Al-Ghazzali (1997). *Al-Wasit fi al-Mazhab*, juz 5, Syari' Azhar: Dar Al-Salam.
- Al-Imraniy, Y. *Al-Bayan fi Mazhab al-Syafie*, Dar al-Minhaj, juz 10, Ms 135.
- Al-Kasani. *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Khin, M., al-Bughā, Muṣṭafā & Al-Sharbijī, 'Alī (2011). *al-Fiqh al-Manhajī 'alā Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī*. Damsyiq: Dār al-Qalam, vol. 3.
- Al-Majajiy, M. (2010). *Al-Muhazzab min Al-Faqih al-Maliki wa Adillatuhu*. Jazair: Dar al-Wa'ie li al-Nasyar wa al-Tawzi', juz 2, cetakan 1, Ms 77.
- Al-Maliki, M. I. A. *Manh al-Jalil 'ala Sharh Mukhtasar Khalil*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Maqdisiy, A. (1994). *Al-Kafi fi Fiqh al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, juz 3, cetakan 1, Ms 126.
- Al-Maqdisiy, B. A. (2003). *Al-Uddah Syarh al-Umdah*. Kaherah: Dar al-Hadith, Ms 449.

- Al-Muqaddisiy. *Al-Iqna' fi fiqh ahmad bin Hanbal*. Beirut: Dar Al-Ma'arif, juz 4, Ms 29
- Al-Muti'ie, Muhammad Najib. *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad, juz 18, Ms 296
- Al-Muwasiliy, A. (2009). *Ikhtiar li Ta'lim al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Risalah al-'Aalamiyyah, juz 3, cetakan 1, Ms 182.
- Al-Nawawi, Yahya Ibn Sharaf. (t.t). *al-Majmu' Sharh al-Muhadhab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qalyubi, A. S. & Al-Barlisi, A.'U (1995). *Hashiyata Qalyubi wa 'Umayrah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurāfi, Shihāb al-Dīn Ahmad bin Idrīs (1994). *al-Dhakhīrah*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, vol. 10.
- Al-Qurtubiy (2006). *Al-Jami' Liahkam Al-Qur'an*. Disunting Oleh Abdullah Bin Abdul Mohsin At-Turkiy, Lubnan: Muassasah Risalah, Cetakan 1.
- Al-San'ani, 'Abd al-Razzaq Ibn Humam al-Humayri al-Yamani. *al-Musannaf*. Beirut.
- Al-Sharbīnī, Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khaṭīb (1997). *Mughnī al-Muḥtāj IlāMa'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, vol. 4.
- Al-Syafi'e (2001). *al-Umm*. Manṣūrah: Dār al-Wafā li al-Ṭabā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', vol. 7.
- Al-Syairaziy, Abu Ishak (1996). *Al-Muhazzab fi Fiqh Al-Syafie*. juz 4, Ms 319
- Al-Syarbiniy, S. a. D. (2004). *Al-Iqna' fi Alfaz Abi Syuja'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, juz 2, cetakan 3, Ms 300.
- Al-Zuhaylī, M. (2011). *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shāfi'ī*. Damsyiq: Dār al-Qalam, vol. 5.
- Al-Zuhaylī, W. (1985). *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Damsyiq: Dār al-Fikr li al-Ṭabā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', vol. 6.
- 'Aud, 'A. R. M. *Kitab al-Fiqh 'ala Madhahib al-Arba'ah*. Mansurah: Maktabah al-Iman.
- Badran, A. B. (1967). *Fiqh al-Muqaran li Ahwal al-Shakhsyiyah*. Beirut: Dar Nahdah al-'Arabiyyah.
- Din, H. (1990) *Ta'liq Talaq*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibn 'Abidin, M. A. (1992). *Rad al-Mukhtar 'ala al-Dur al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Farhūn. (2003). *Tabṣirah al-Hukkām fi Usūl al-'Aqdiyyah wa Manāhiḡ al-Aḡkām*, vol. 1. Riyad: Dār 'Ālam al-Kutub.
- Ibn Hajjaj, M. (t.t). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Kathir, I (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Dar Ibn Hazm, Jilid 4 & 6.
- Ibn Majah. (t.t). *Sunan Ibn Majah*. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabi.
- Ibn Manzur, M. I. M. (1995). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Sodir, Jilid 2.
- Ibn Muflih al-Hanbaliy (1997). *Al-Mubdi' Syarh al-Muqni'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, juz 6, cetakan 1, Ms 356

- Ibn Qudāmah. (2004). *al-Mughnī*. Lubnan: Bayt al-Afkār al- Dawliyyah.
- Ibn Raslan, (2016). *Syarh Sunan Abi Daud*. Fayoum: Dar al-Falah, juz 14, cetakan 1, ms 655.
- Ibn Taymiyyah. (1987) *al-Fatawa al- Kubra* . Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibnu Ahmad. (1996). *Misykah al-Misbah Fi Syarhil Ictdah wal Silah fi Ahkam al-Nikah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ismail, S. (2003). *Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang-Undang Keluarga Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. *Laporan Syariah (Kes-Kes Terpilih), Malaysian Current Law Jurnal*, Ampang: The Malaysian Current Law Journal, 2004 & 2005.
- Kamaruddin, Z., & Abdullah, R. (2002). *Kamus Istilah Undang-Undang Keluarga Islam*. Zebra Editions.
- Majalah al-‘Urduniyyah fi Dirasat al-Islamiyyah 5(1), hlm. 47-59.
- Nasohah, Z. (2002). *Perceraian: Hak Wanita Islam*. Utusan Publications.
- Wizarah al-Awqaf wa al-Shu’un al-Islamiyyah. (1983). *al-Mausu‘ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait.
- Zaydān, ‘A. K. (1983). *al-Mufassal fi Ahkam al-Mar’ah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Zin, N. M. et al., (2007). *Perceraian dalam Undang-Undang Keluarga Islam dalam Undang- Undang Keluarga Islam*, ed. Najibah Mohd Zin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, jilid 14, cetakan 1.
- Zuqayli, ‘A. (2009). *al-Talaq al-Mu’llaq: Mafhumuh wa ‘Atharuh fi al-Fiqh Islami*.

### Tesis

- Aznan, M.A. Ta’liq Tambahan Dalam Akad Pernikahan: Kajian di Ipoh Perak, disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014.

### Jurnal

- Buang, S. (1990). *Digantung Tak Bertali, Disalai Tak Berapi: Satu Analisa Perlaksanaan Hukum Cerai Ta’liq di Malaysia*, *Malayan Law Jurnal*. Kuala Lumpur: Legal News Services, Hlm. 270-281.
- Din, H. (1977). Persoalan taklik talak: suatu analisis tentang wajar tidaknya taklik talak terus diamalkan di Malaysia, *Jurnal Islamiyat*, (1), 23-40.
- Latif, L. A. (2020). Teori *Masalih Mursalah* Berdasarkan Pandangan Imam al-Syatibiy dan al-Ghazzali Terhadap Pengabaian Hak-Hak Wanita Dalam Isu Lafaz Cerai Taklik Lisan. National Seminar On Contemporary Fiqh. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Gombak. 9 Disember 2020.
- Latif, L. A. (2021). Konsep Lafaz Cerai Ta’liq : Suatu Kajian Perbandingan Menurut Perspektif Hadith Dan Mazhab Fiqh. International Conference and Muktamar On Prophetic Sunnah. 28 dan 29 Januari 2021. Gombang.

- Lembut, I. (2006). Kaedah Ta'liq Talak Di Mahkamah Syariah. *Jurnal Hukum*, Jilid 21 Edisi (2). Hlm. 147-157.
- Mutalib, L. A. (1999). Satu Tinjauan Terhadap Perceraian Taklik Dan Implikasinya Terhadap Pembubaran Sesebuah Keluarga, *Seminar Hukum Islam Semasa Peringat Kebangsaan Kali Ke-II*, 23-24 Jun,.
- Nawi, N. F. Ta'liq Agreement: A Proposal For Reformation. *Wahana Akademik*. 2003: Jilid 2. Edisi (1). Kedah: Universiti Teknologi Mara. Hlm. 85-96.
- Romli, A. B., & Ahmad, C. M. Pembuktian Cerai Taklik Di Mahkamah Syariah, 2015. Hlm. 33-38.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*